# DBKL perlu dinamik, produktif urus isu perbandaran – PM

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sebagai pihak berkuasa tempatan yang mentadbir Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu dinamik dan produktif dalam mengurus isu perbandaran serta memperkasakan penyampaian perkhidmatan.

Gesaan itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kerana beliau berpandangan Kuala Lumpur harus lebih bersedia mendepani cabaran dan melihat kepada keperluan masa depan.

Katanya, Keluarga Malaysia mengamalkan prinsip tiada yang dipinggirkan dan prinsip itu terpakai dalam mengurus bandar raya Kuala Lumpur.

"Golongan B40 misalnya, perlu diambil perhatian bagi memastikan keperluan asas mereka terbela. Kewujudan media baharu lebih mendekatkan warga kota dengan pentadbir bandar raya. Ekspektasi warga kota kepada DBKL adalah tinggi. Justeru, keterlibatan warga kota dalam membangunkan Kuala Lumpur adalah penting.

"Ini bagi memastikan suara mereka didengari dan diambil kira dalam segenap perkara. Warga kota merupakan tunjang keutuhan Kuala Lumpur. Suara dan pandangan mereka inilah yang akan menggerakkan usaha kerajaan khususnya terhadap objektif dalam pentadbiran Kuala Lumpur hari ini. Hal ini selari dengan iltizam saya sebagai Perdana Menteri," katanya.



**ISMAIL Sabri Yaakob bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim (kanan) dan Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias (kiri) pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandaraya Kuala Lumpur di ibu negara baru-baru ini.**

Sehubungan itu, bersempena ulang tahun ke-50 bandar raya Kuala Lumpur, Ismail Sabri memperkenalkan Pakej Kesejahteraan Keluarga Malaysia Kuala Lumpur (PKKMKL).

"Dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat, DBKL menyediakan laluan pejalan kaki, laluan basikal dan jaringan hijau dengan mengutamakan keselesaan pengguna.

"Bagi menggerakkan aktiviti ekonomi, DBKL menaik taraf gerai penjaja di pusat penjaja yang telah usang termasuk kelompok-kelompok gerai di tepi jalan yang berlesen," katanya.

Selain itu katanya, DBKL kini dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya sifar miskin tegar.

"DBKL akan membina 5,000 '*council home*' untuk disewa kepada warga kota dengan keluasan minimum 750 kaki persegi, pembaikan lif yang melibatkan 306 buah lif di 31 lokasi Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

"Bagi menjamin keselamatan warga kota, tahap keselamatan di Kuala Lumpur dipertingkatkan dengan pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang dikawal Kuala Lumpur Command & Control Centre," katanya.

Di samping itu katanya, lesen premis perniagaan diluluskan dalam tempoh 24 jam, malah permohonan permit pembinaan bagi pembangunan berskala kecil dan keputusan permohonan boleh diperolehi dalam tempoh tiga hari.

"Sebagai insentif untuk menggalakkan warga kota melakukan urusan secara dalam talian, pembayaran yang melibatkan semua fi permohonan, akan diberikan rebat 10 peratus sepanjang tahun 2022," katanya.

Dalam menangani isu perubahan iklim dunia, Ismail Sabri turut menyokong penuh inisiatif Kuala Lumpur membantu kerajaan mencapai sasaran negara neutral karbon.

"Ini kerana Malaysia disasar menjadi negara neutral karbon seawal-awalnya pada 2050.

"Bagi mencapai hasrat ini, Kuala Lumpur perlu maju ke hadapan seiring dengan bandar raya-bandar raya besar yang lain untuk mencapai matlamat global dalam menangani isu perubahan iklim," katanya.

# Covid-19 tak halang Kuala Lumpur kembang pesat



**ISMAIL Sabri Yaakob memalu gong ketika Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini.**

**KUALA LUMPUR:** Walaupun pandemik Covid-19 melanda negara sejak dua tahun lalu, ia tidak menghalang Kuala Lumpur untuk terus berkembang pesat sebagai bandar terbesar negara apabila penduduknya kini mencecah 8 juta orang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melahirkan rasa bangganya terhadap pembangunan Kuala Lumpur yang genap usia 50 tahun sejak diisytiharkan sebagai bandar raya pertama di Malaysia pada 1972.

Katanya, Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia mencapai usia matang dan mengalami evolusi seiring dengan perubahan masa.

"Jika pada era awal pertumbuhan, Kuala Lumpur dipenuhi rumah-rumah atap nipah, kini ia meriah dengan bangunan pencakar langit serta perkembangan pesat penempatan penduduk.

"Dunia terus mengenali Kuala Lumpur melalui mercu tanda hebat seperti Menara Berkembar Petronas setinggi 88 tingkat yang pernah mencatat sejarah sebagai bangunan tertinggi di dunia," katanya.

Beliau turut berbangga dengan Menara Kuala Lumpur yang merupakan menara tunggal ketujuh tertinggi di dunia.

"Kini, Kuala Lumpur memiliki mercu tanda baharu iaitu Menara Merdeka 118 yang merupakan menara kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa dan tertinggi di Asia Tenggara pada ketinggian 678.9 meter," katanya.

Ismail Sabri berkata, ia jauh beza dengan Kuala Lumpur ketika mula berkembang antara Kuala Sungai Gombak dan Sungai Klang bermula pada 1857.

"Kuala Lumpur kemudiannya berkembang daripada sebuah pekan lombong bijih timah yang kecil dan sunyi kepada sebuah bandar yang dikenali ramai.

"Kepesatan ekonomi di kawasan perlombongan yang menjadi lubuk rezeki telah menarik minat masyarakat sekeliling untuk berhijrah ke sini," katanya.

NATIONAL AFFORDABLE HOUSING COUNCIL PLAN

# Thumbs up for govt's 'One Family One House' aspiration



*Having our own home means having new memories and a space that we can call ours for years to come.*

**SALHANI IBRAHIM**
Entrepreneur, mother of two



*Having a set of shiny new keys and a place to call home, a place to feel safe and start a family. It will give me peace of mind that I've been longing for.*

**MAINE ANG**
Marketing executive



*...my partner and I can finally settle down and have a place to permanently call home.*

**ANIS SHAZLIN**
Operations assistant

## Malaysians in B40, M40 groups happy that they finally get to own affordable forever homes

TEH ATHIRA YUSOF
AND KELLY LAU
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE National Affordable Housing Council (MPMMN)'s "One Family One House" target has given hope to Malaysians to finally secure a forever home at an affordable price.

Yesterday, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced the initiative to ensure that financial institutions facilitated loans for the B40 and M40 groups to buy People's Housing Project (PPR) and affordable houses.

Ismail Sabri said focus would be on those who wanted to make direct purchases and rent-to-own to achieve the "One Family, One House" target.

Welcoming the move is entrepreneur Salhani Ibrahim, 37, who has been renting a house with her family of four in Wangsa Maju here for more than six years.

Salhani said having a forever home for her two children meant that they would be able to grow up comfortably in their own home.

"We have been renting for more than six years and it costs us about RM800 a month. I want to have a house of our own soon as my children are growing up.

"Having our own home means having new memories and a space that we can call ours for years to come," she told the *New Straits Times*.

Salhani hoped the government would fulfil its promise to build the homes on schedule as some government housing projects had been delayed.

"Any affordable housing project by the government is good from the start. But the initiative must be fulfilled from beginning to end.

"For people like us who are renting, we not only need to secure a loan but also rent a house while waiting for the housing project to be completed.

"In reality, there were some housing projects that took almost a decade to be completed.

"We need the assurance from the government that the project will be completed on time as we could not afford to pay rent and service our loan at the same time."

For housewife Zara Nadia Zainal Abidin, 34, the announcement has given her family a glimmer of hope to purchase their own house.

Zara and her husband have been searching for a house but have yet to find one that can match their household income of around RM1,000 per month.

They have been renting a one-room unit for RM94 a month under the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) housing project.

"It is everyone's dream to own a home when they settle down. I am lucky to to rent a house in KL.

"My husband, who is a general worker, needs to be located in the city centre as it is closer to his workplace. I am doing an online business to help him.

"Thankfully, I have one child, so space is not an issue now but in the future, of course, we want the family to grow.

"I hope there will be a housing loan that is economically sound for us and that the government will consider people like us, who are trying to make ends meet to finally own a house."

Ismail Sabri, in a statement yesterday, instructed Bank Negara Malaysia to review the housing financing model to facilitate house ownership to ensure that financial institutions will be able to facilitate loans for the B40 and M40 groups to buy PPR and affordable houses.

Sharing Zara's sentiment is marketing executive Maine Ang, 30, who says one of the main challenges in purchasing a property is securing a bank loan.

"I think the most challenging part in buying a property, besides finding a good location, is budgeting and securing a bank loan.

"It's really hard nowadays to get a loan and as average young adults, like myself, we mostly depend on home loans to buy a house. Also, the most important thing in getting a loan is to maintain a good credit score."

Ang said having the opportunity to purchase her own home would be a sweet success.

"All I can imagine is that when I finally buy my own house and go through the entire process, I will be so happy.

"Having a set of shiny new keys and a place to call home, a place to feel safe and start a family. It will give me peace of mind that I've been longing for."

Operations assistant Anis Shazlin, 24, said the "One Family, One House" project would be beneficial if the properties developed were at a strategic location, good environment and most importantly at an affordable price.

Anis expressed similar reasons and challenges when buying her own house, stating that securing a housing loan was a primary concern.

"I would need to save up a lot to buy my own house. I need a housing loan so that the bank knows that I can borrow the money and also pay it back and have a good credit score record.

"I will be very happy if I have my own house with my name so that I can do whatever I want, like renovating it, unlike now as I am renting.

"Also, my partner and I can finally settle down and have a place to permanently call home."



*The government's People's Housing Projects, like this one at Kampung Sungai Pinang in Johor, fulfil the aspirations of most Malaysians who are looking for affordable forever homes.* PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

Starmetro • 12/2/22 (Saturday) • pg: 4

# River park project in KL vandalised a third time

By BAVANI M
bavanim@thestar.com.my

VANDALS have targeted a river clean-up site around Mid Valley City in Kuala Lumpur for a third time in the past two months.

This comes about a week after *StarMetro*'s article on non-governmental organisation (NGO) Friends of Sungai Klang Mid Valley River Three (FoSK TMR3) carrying out river clean-up activities near there.

This time around, the culprits targeted the volunteers' bee pollination project.

FoSK TMR3 co-founder Syuen Toh said mesh wires put up for a pollinator project to attract bees were stolen.

"We completed building vertical coral vines for a bee corridor, but when we came in earlier in the week, the entire thing was gone," Toh said.

"Also, vandalism around the work site has continued as we have noticed items are missing and the gaping hole in our signboards is getting bigger."

Toh added that they were carrying out environmental projects using funds provided by Global Environmental Centre (GEC).

"But we cannot keep going only to see it stolen or destroyed every time," she said.

Following the latest act of vandalism, three officers from Kuala Lumpur Drainage and Irrigation Department paid a visit to the site on Wednesday.

After inspecting the damage and taking note of Toh's complaints on river pollution and encroachment, the officers promised to bring the matter up with Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to find ways to stop further encroachment by building a fence to keep intruders out.


4 News

NGO decries targeted vandalism

Signboards damaged, plants destroyed at Sungai Klang riverbank near KL mall

By BAVANI M.
bavanim@thestar.com.my

A NON-governmental organisation says unknown culprits are destroying its good work in cleaning up a stretch of Sungai Klang near Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur.

Friends of Sungai Klang Mid Valley River Three (FoSK TMR3) co-founder Syuen Toh said plastic waste fished out of the river and collected for recycling was burnt.

Metal and other materials kept at the riverside nursery were also destroyed in the fire.

"This was the second arson incident here. The first occurred in December.

"The vandals also cut the mesh wire placed along the sides of a pedestrian bridge to stop rubbish from entering the garden below.

"Among the things thrown below included shopping carts.

"Our pollinating flower plants planted to attract bees and butterflies were also destroyed, and the signage removed," she said.

Also defaced was the River of Life public outreach programme signboard at the site.

FoSK TMR3 is an award-winning NGO that was co-founded by Toh and Kennedy Michael to transform Sungai Klang into a "river park".

Since [illegible] three years ago, [illegible]

A signboard near Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur that has been defaced. — Photos: YAP CHEE HONG/The Star

Toh removing a shopping cart thrown from the pedestrian bridge.

caught individuals polluting the river.

"We caught a food trader throwing rubbish into the river on camera and we posted it on social media.

"We also took pictures of a taxi driver throwing rubbish into the river from the bridge.

"We have spoken to the culprits and advised them not to throw rubbish into the river," she said.

Toh added that people were also using a mini staircase connected to the bridge to get to the riverbank area.

Owners of Abdullah Hukum apartments nearby have been pasting room-for-rent advertisements on the bridge, defacing the area with stickers.

"I have asked Kuala Lumpur City Hall (DBKL) and the Drainage and Irrigation Department (DID) to extend the barrier gate for the upper part of the existing entrance to the bridge to deny access to these vandals," said Toh.

The gate is located on the side of the bridge and was built for volunteers involved in the river clean-u[illegible]

"We hope the authorities can help seal the area so intruders ca[illegible] not enter," she added.

When contacted, DID deputy director Ratna Rajah Sivapiragasam asked the NGO to put a request for a barrier in writing and promised to raise the matter with DBKL.

StarMetro's article on Feb 1.

*StarMetro* had previously reported that vandals burnt the plastic waste and metal items FoSK TMR3 had fished out of Sungai Klang for recycling last month.

This was the second arson incident, as the first occurred in December.

Vandals also cut the mesh wires along the sides of a pedestrian bridge and defaced a River of Life public outreach programme signboard.

FoSK TMR3 is an award-winning NGO co-founded by Toh and Kennedy Michael to transform Sungai Klang into a river park.

Since it started three years ago, volunteers have pulled out 4,000kg of rubbish from the river.

Meanwhile, GEC river care programme manager Dr K. Kalithasan said unlike other public outreach programmes which saw active participation from the surrounding community, the Mid Valley stretch of the river was more challenging.

"This is because the volunteers are members of the public and not the community from the area.

"We are not seeing residents living and working around the Abdullah Hukum apartment and Mid Valley City stakeholders taking ownership of the river.

"We believe that if the community there takes ownership of the riverbank area, the vandalism and pollution will stop," he said.

16 - M/S
Berita Harian
13/2/2022 (Ahad)

# Perbadanan Putrajaya terus bantu usahawan muda

**Putrajaya:** Perbadanan Putrajaya (PPj) terus komited membantu memajukan ekonomi usahawan muda, khususnya yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengarah Bahagian Pelesenan PPj, Jeffri Mustapa, berkata menerusi program Usahawan Muda Kota (UMK), inisiatif di di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, usahawan muda menerima kiosk dan bantuan lain untuk menjadi usahawan berjaya.

"Kebanyakan usahawan UMK ini dipilih oleh PPj selepas kita melihat mereka mempunyai produk sendiri dan berpotensi untuk diketengahkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Mini Karnival Usahawan Muda, di Medan Selera Presint 9, semalam.

Pada majlis itu, PPj turut menyerahkan 10 kios UMK yang baharu kepada usahawan muda, membabitkan enam kios di Medan Selera Presint 9 dan empat kios di Souq, Presint 1.

Jeffri berkata, PPj menyasarkan untuk menyediakan 161 lot niaga kepada UMK menjelang 2023.

"Kini, ada 105 lot niaga yang ditawarkan kepada UMK dengan pemilihan lokasi ditetapkan PPj.

"Kita tidak mahu mereka berniaga di lokasi yang tidak selamat seperti di tepi jalan atau lampu isyarat," katanya.

Seorang peserta UMK, yang juga pengasas Takoyaki Bro, Muhammad Danial Aiman Zainuddin, 28, berkata sebelum ini beliau berniaga di medan selera dan tiada tempat khusus.

"Terima kasih kepada PPj kerana menaik taraf kemudahan sedia ada serta memberikan kios baharu dan lebih kukuh kepada Takoyaki Bro," katanya.

> Kebanyakan usahawan UMK dipilih selepas kita melihat mereka ada produk sendiri dan berpotensi diketengahkan



*Jeffri Mustapa,*
*Pengarah Bahagian Pelesenan PPj*

Metro Ahad ~~Harian Metro~~ . 13/2/2022 (Ahad) . M/S: 8

# Tangguh sementara sambutan Hari Wilayah Persekutuan

**Jelebu:** Kementerian Wilayah Persekutuan menangguhkan sementara beberapa program sambutan Hari Wilayah Persekutuan di Labuan selepas berlaku peningkatan kes jangkitan Covid-19 di pulau berkenaan.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, langkah itu diambil susulan kadar kebolehjangkitan (Rt) dengan nilai 2.17 tertinggi direkodkan kelmarin,

Katanya, pelbagai program sudah disusun sempena sambutan hari wilayah terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu.

"Antara program berkenaan adalah Kenduri Wilayah Persekutuan, Pertandingan Tarian Zapin, Citra Budaya Muzikal, Pertandingan Battle Of The Band dan Pertandingan Memancing Pesisir Pantai.

"Kami mengharapkan penduduk di Labuan lebih berhati-hati dan mengambil pendekatan lebih serius bagi memastikan Covid-19 dapat dikawal dan dicegah daripada terus merebak," katanya ditemui pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Dataran Simpang Pertang di sini, semalam.

Beliau berkata penduduk di sana perlu memainkan peranan bagi memastikan Rt dan kes positif di Labuan dapat dikurangkan dalam tempoh terdekat.



JALALUDDIN di program Jualan Keluarga Malaysia di Dataran Simpang Pertang. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP



JEFRRI (depan kiri) dan Nik Shukri (tengah) bersama enam usahawan muda yang menerima kios baharu pada Program Usahawan Muda Kota (UMK), di Medan Selera Presint 9, Putrajaya.

Metro Ahad o 13/2/2022 (Ahad) • pg: 21

# PPj BANTU SAMPAI BERJAYA

## *Usahawan UMK terpilih diberi kios untuk berniaga*


**Oleh Noor Atiqah Sulaiman**
am@hmetro.com.my


**Putrajaya**

Bukan hanya diberikan kios meniaga, tetapi belia terpilih turut dibantu sehingga menjadi usahawan berjaya.

Itu antara pendekatan Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam membantu memajukan ekonomi usahawan muda khususnya bagi golongan yang baru bangkit selepas melalui tempoh panjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

> *Kebanyakan usahawan UMK ini dipilih oleh PPj selepas kami melihat mereka mempunyai produk sendiri dan berpotensi untuk diketengahkan"*
>
> ***Jefrri Mustapa***

Pengarah Bahagian Perlesanan PPj, Jefrri Mustapa, berkata, menerusi program Usahawan Muda Kota (UMK) itu, mereka bukan sahaja diberikan kios meniaga, tetapi turut dibantu hingga berjaya.

"Kebanyakan usahawan UMK ini dipilih oleh PPj selepas kami melihat mereka mempunyai produk sendiri dan berpotensi untuk diketengahkan," katanya pada Mini Karnival Usahawan Muda di Medan Selera Presint 9 di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh.

Pada majlis sama turut diadakan penyerahan 10 kios UMK baharu kepada usahawan muda.

Ia membabitkan enam kios di Medan Selera Presint 9 dengan empat lagi ditempatkan di Souq, Presint 1.

Jeffri berkata, program UMK berkenaan adalah inisiatif di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan kini sudah pun memasuki penganjuran bagi tahun ketiga.

Jeffri berkata, PPj menyasarkan untuk menyediakan 161 lot niaga kepada UMK menjelang tahun 2023.



# 'Satu penghargaan yang cukup istimewa'

**PENYANYI** dan pelakon popular era 1970-an, Hail Amir dianugerahkan pingat Panglima Mahkota Wilayah yang membawa gelaran Datuk.

Pingat tersebut dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan sempena Hari Wilayah Persekutuan 2022 di Istana Negara.

Menurut Hail, 75, kurniaan itu adalah satu penghargaan yang cukup istimewa sepanjang hampir lima dekad beliau bergelar anak seni.

Bintang kelahiran Pulau Pinang itu mula terlibat dalam industri sebagai penari kebudayaan pada awal tahun 1970-an. Bakatnya terus menyinar selepas melebarkan sayap dalam bidang lakonan dan nyanyian.

Sepanjang pembabitan dalam dunia muzik, Hail yang cukup popular dengan lagu *Wajah Kesayangan Hamba* dan *Seloka Hari Raya* (duet bersama Uji Rashid) telah merakamkan sebanyak 12 buah album.

# Nowhere to go after 50 years

## 200 families in Jinjang Selatan Tambahan fear losing relocation opportunity without TOL

By C.Y. LEE
chenyoong@thestar.com.my

RESIDENTS of Jinjang Selatan Tambahan (JST) in Kuala Lumpur, who were asked to make way for a mixed development project, face losing the relocation package offered to them.

About 200 families, including some who have lived there for 50 years, do not possess a Temporary Occupation Licence (TOL) and have been classified as squatters.

JST Residents Association secretary K. Selvakumar said they were given notice in November to verify their TOL at the developer's office by Jan 31 or risk being classified as squatters and barred from receiving any relocation package from Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

He said this requirement was not imposed on the 137 families whose homes were demolished earlier in 2017.

"Those families have already signed contracts and will be able to get new homes.

"However, the notice stated that those who are unable to verify their TOL will not be eligible," he said during a press conference called by a group of residents at JST.



Selvakumar (seated, centre) speaking to the media during the press conference at Jinjang Selatan Tambahan, Kuala Lumpur. — LOW LAY PHON/The Star

Selvakumar claimed that the renewal of TOL at the Land Office ceased in 1996 and some families might have misplaced the document.

"The families are distraught as we had relied on the relocation package and don't have anywhere else to go."

Selvakumar added that the association had sent a letter to Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah to request an extension and allow supporting documents like utility bills to be accepted in place of TOL.

"Not every family has been able to preserve their TOL as most of the original holders have passed away.

"Some families have lost their documents in floods and fires.

"Residents who no longer possess the original document had brought supporting documentation to the developer for verification but they were rejected.

"There are also those who bought the property from others and could not produce the document.

"We want to solve this issue amicably and hope the mayor, Federal Territories minister, DBKL and developer will sit down with us to find a fair and just solution," he said.

> **"The notice stated that those who are unable to verify their TOL will not be eligible."**
>
> K. Selvakumar

# Bringing fresh produce, unique snacks together

## 120 traders from all over M'sia take part in FT Day carnival, agrobazaar

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

THERE were durians from Pahang and a fried chicken chain from Kelantan.

Buskers and lively banter from two emcees entertained visitors while they were deciding on favourites such as *keropok lekor*, fruit *rojak* and roasted peanuts.

There were also a chilli fishing competition, *ulam*-eating campaign and lucky draw.

Held in conjunction with Federal Territory Day celebrations, the food truck carnival and agrobazaar at Precinct 2 in Putrajaya saw the participation of some 120 traders who came from as far as Perak, Pahang and Johor.

Roasted banana crisps and peanuts trader Sharifah Abdul Karem said the event had been a good networking opportunity for her as she got to make friends with a fruit *rojak* seller from Pahang and a *putu piring* maker from Sungai Siput, Perak.

"This is my first big event since the Covid-19 pandemic.

"I was down for two years not only in the business sense but also health-wise as I was hospitalised for 18 days after contracting Covid-19 in July last year," said Sharifah.

The crisps trader, who paid RM100 to rent a lot for the three-day open-air event, was able to make RM500 in sales within the first two days, operating from 10am to midnight.

For Che Mazura Mohamad from Pahang, who sold fruit *rojak* and catfish in fermented durian gravy, the event was one way for the family business to recoup their financial losses.



Shahidan (middle), Jalaluddin left) and Fadlun during the walkabout at the Putrajaya Agrobazaar and Food Truck Carnival. — AZLINA ABDULLAH/The Star

Che Mazura's home had been devastated by the December floods but fortunately, her banana trees survived and the fruits were sold at the bazaar.

Event co-organiser Ab Rahaman Sulaiman, who is director for Kuala Lumpur and Putrajaya's Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) branch, said to provide visitors with a good variety of stalls, the agrobazaar was made up of produce brought in by farmers, traders selling agricultural-based products as well as popular food items.

A special invitation was also extended to a Perlis trader to bring in his wild honey.

Putrajaya Food Truck Association chairman Isagani Suradin said it was timely for the event to be held after the long Chinese New Year break as more people would have returned to the administrative capital.

"We should not only base the success of this event on footfall and sales.

"It is good for publicity in the long-run," he said.

Among those who attended the second day of the event were Federal Territories Minister Datuk Seri Shahidan Kassim, his deputy Datuk Seri Jalaluddin Alias, ministry secretary-general Datuk Seri Rosida Jaafar and Putrajaya Corporation (PjC) senior vice-president Datuk Fadlun Mak Ujud.

Shahidan went on a shopping spree at the agrobazaar buying tidbits such as roasted peanuts, dried fruits as well as a vase of artificial roses for his office.

He said more of such events should be encouraged.

"Shoppers can find fresh produce here at very reasonable prices," he said.

Shahidan and his entourage also planted *Tabebuia rosea* (cherry blossom) at Tasik Putrajaya beside the event site.

This was in conjunction with a campaign to plant 400,000 trees in Putrajaya.

According to PjC, the tree planted by Shahidan marked the 50,000th to be planted here.

# Tukar sampah jadi barang keperluan, bayar sewa PPR

## inisiatif 1C1R galak amalan kitar semula

Kuala Lumpur: Inisiatif pertukaran sampah kepada potongan bayaran sewa rumah dan barang keperluan asas menerusi 1C1R (1 Community 1 Recycle) mampu menarik minat masyarakat mempraktikkan amalan kitar semula, sekali gus memberi impak kepada kualiti alam sekitar.

Menerusi inisiatif menggunakan konsep sistem barter itu, penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang membawa barang kitar semula ke kios 1C1R akan mendapat mata ganjaran atau 'green coin' yang boleh dikumpul dari semasa ke semasa dan kemudian ditukar kepada pembayaran sewa rumah serta barang keperluan harian.

Misalnya, setiap satu kilogram (kg) sisa tin aluminium yang mewakili 12 mata ganjaran boleh ditukar dengan sepeket gula, manakala setiap satu kilogram minyak masak terpakai akan ditukar kepada mata ganjaran bernilai sekitar RM2, yang jika dikumpul sehingga 240 mata ganjaran (50kg) boleh ditukarkan kepada sewa bulanan bernilai RM124.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata inisiatif rintis yang mula dilaksanakan di lima PPR sejak Oktober tahun lalu itu juga dilihat sebagai langkah meringankan beban warga kota serta kaedah alternatif kepada penyewa PPR Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), terutama golongan B40.

"Daripada mereka bawa dan buang sampah boleh dikitar semula ini ke rumah sampah sahaja, mereka boleh bawa ke kios kitar semula untuk menampung sewa bulanan atau ditukar kepada barang keperluan.

"Secara tidak langsung ia akan menjadi alternatif buat mereka yang tak mampu bayar sewa, sekali gus mengurangkan jumlah mereka yang mempunyai tunggakan, walaupun sewa hanya RM124 ada yang tak mampu dan punya kekangan untuk bayar," katanya.

Mahadi berkata, projek rintis menawarkan pertukaran barang kitar semula kepada barangan keperluan asas seperti minyak masak dan tepung dijalankan di PPR Seri Alam, PPR Beringin dan PPR Seksyen 2 Wangsa Maju, manakala pertukaran kepada pembayaran sewa rumah PPR dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Sosio Ekonomi dan Alam Sekitar di PPR Pekan Kepong dan PPR Wangsa Sari.

Katanya, kutipan barang kitar semula dibuat mengikut jadual dua atau tiga kali seminggu bagi PPR Seri Alam, PPR Beringin dan PPR Seksyen 2 Wangsa Maju, manakala seminggu sekali bagi PPR Pekan Kepong dan PPR Wangsa Sari.

Beliau berkata, DBKL akan mewujudkan tiga lagi kios menjelang hujung tahun ini bagi memastikan setiap Parlimen di Kuala Lumpur mempunyai kios terbabit, sekali gus meluaskan pembabitan lebih ramai warga kota.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Wangsa Maju, Sari Mazlan Abdul Latif, berkata pelaksanaan itu dilihat dapat memberi kesedaran kepada penduduk selain menggalakkan amalan kitar semula.

"Harga sekilo minyak masak baharu pun sekitar RM2, daripada kita buang ke rumah sampah lebih baiklah kita beri kepada kios seperti ini, seolah-olah dapat semula nilai minyak yang telah digunakan selain tidak mencemarkan alam," katanya.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga PPR Beringin, Che Roziani Mohd Shariff pula berkata, inisiatif itu bukan saja memudahkan penduduk menyerahkan barang kitar semula, malah menyumbang kepada persekitaran perumahan lebih bersih dan kemas, selain membantu penjanaan pendapatan sampingan.

"Selalunya penduduk suka kumpul barang kitar semula di koridor dan bawah tangga sementara nak dijual kepada vendor. Hal ini bukan sahaja tidak bersih, juga menghalang laluan tetapi sekarang lebih cepat dan mudah hantar ke sini (kios)," katanya.

Barang kitar semula seperti tin, kertas dan plastik dijual semula kepada vendor kitar semula, manakala minyak masak terpakai antara lain dijadikan bahan kajian untuk pembangunan penukaran menjadi biodiesel.

BERNAMA



*Che Roziani bersama penduduk PPR Beringin menyerahkan barangan kitar semula kepada petugas DBKL, semalam.* (Foto BERNAMA)

Harian Metro . 14/2/2022 (Isnin) . M/S: 12




BAZAR Ramadan boleh berjalan seperti biasa pada tahun ini dengan SOP yang akan dikeluarkan kelak.

# Peniaga dapat 'lampu hijau'

## *Tiada sekatan dikenakan ke atas kegiatan ekonomi termasuk Bazar Ramadan tahun ini*

**Kuala Lumpur**

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tiada sekatan akan dikenakan ke atas kegiatan ekonomi termasuk Bazar Ramadan pada tahun ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, prosedur operasi standard (SOP) bazar itu akan diperhalusi dan diumumkan apabila sampai masanya nanti.

"Kita tidak akan tutup perniagaan, saya dah sebut raya ke, bulan puasa ke, pasar Ramadan ke, pasar malam ke, masih akan dibuka seperti biasa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Makan Tengah Hari Lou Sang Tahun Baharu Cina Keluarga Malaysia, di sini, semalam.

Terdahulu, media melaporkan luahan peniaga Bazar Ramadan yang bimbang mereka tidak boleh berniaga akibat kes Covid-19 negara yang mengalami peningkatan mendadak, susulan penularan varian Omicron sejak lebih sebulan lalu.

Kelmarin, kes baharu Covid-19 mencatatkan 22,802 kes menjadikan kumulatif kes mencecah lebih 3 juta.

Minggu lalu, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, penganjuran Bazar Ramadan di Wilayah Persekutuan tahun ini dibenarkan, dan akan dilaksanakan seperti biasa SOP sedia ada.

Pada 2020, operasi Bazar Ramadan di seluruh negara tidak dibenarkan bagi mengekang penularan Covid-19 manakala pada tahun lalu pula, operasi Bazar Ramadan di kawasan yang dikenakan Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan.



"Kerajaan tidak akan tutup perniagaan" — Ismail Sabri

# Kumpul sampah bayar sewa rumah

## Inisiatif 1C1R galak penduduk PPR praktik amalan kitar semula

**Kuala Lumpur**

Inisiatif pertukaran sampah kepada potongan bayaran sewa rumah dan barangan keperluan asas menerusi 1C1R *(1 Community 1 Recycle)* mampu menarik minat masyarakat mempraktikkan amalan kitar semula, sekali gus memberi impak kepada kualiti alam sekitar.

Menerusi inisiatif menggunakan konsep sistem barter itu, penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang membawa barang kitar semula ke kios 1C1R mendapat mata ganjaran atau *green coin'* yang boleh dikumpul dari semasa ke semasa dan kemudian ditukar kepada pembayaran sewa rumah serta barang keperluan harian.

Misalnya, setiap satu kilogram (kg) sisa tin alumi*nium* yang mewakili 12 mata ganjaran boleh ditukar dengan sepeket gula, manakala setiap satu kilogram minyak masak terpakai ditukar kepada mata ganjaran bernilai sekitar RM2, yang jika dikumpul sehingga 1,240 mata ganjaran (50 kg) boleh ditukarkan kepada sewa bulanan bernilai RM124.




CHE Roziani (kiri) menyerahkan barangan kitar semula kepada petugas DBKL untuk ditukarkan kepada barangan keperluan asas di Kios 1 Community 1 Recycle (1C1R).

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, inisiatif rintis yang dilaksanakan di lima PPR sejak Oktober tahun lepas itu dilihat langkah meringankan beban warga kota serta kaedah alternatif kepada penyewa PPR Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terutama golongan B40.

"Daripada mereka bawa dan buang sampah yang boleh dikitar semula ini ke rumah sampah sahaja, mereka boleh bawa ke kios kitar semula untuk menampung sewa bulanan atau ditukar kepada barang keperluan.

"Secara tidak langsung ia menjadi alternatif buat mereka yang tak mampu bayar sewa sekali gus mengurangkan jumlah mereka yang mempunyai tunggakan, walaupun sewa hanya RM124 ada yang tak mampu dan punya kekangan untuk bayar," katanya.

Mahadi berkata, projek rintis menawarkan pertukaran barangan kitar semula kepada barangan keperluan asas seperti minyak masak dan tepung dijalankan di PPR Seri Alam, PPR Beringin dan PPR Seksyen 2 Wangsa Maju manakala pertukaran kepada pembayaran sewa rumah PPR dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Sosio Ekonomi dan Alam Sekitar di PPR Pekan Kepong dan PPR Wangsa Sari.

**Sekilo tin aluminium mewakili 12 mata ganjaran boleh ditukar dengan sepeket gula**

Katanya, kutipan barangan kitar semula itu dibuat mengikut jadual iaitu dua atau tiga kali seminggu bagi PPR Seri Alam, PPR Beringin dan PPR Seksyen 2 Wangsa Maju manakala seminggu sekali bagi PPR Pekan Kepong dan PPR Wangsa Sari.

Katanya, DBKL mewujudkan tiga lagi kios menjelang hujung tahun ini bagi memastikan setiap Parlimen di Kuala Lumpur mempunyai kios terbabit sekali gus meluaskan pembabitan lebih ramai warga kota.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Wangsa Sari Mazlan Abdul Latif berkata, pelaksanaan itu memberi kesedaran kepada penduduk selain menggalakkan amalan kitar semula.

"Harga sekilo minyak masak baharu pun sekitar RM2, daripada kita buang ke rumah sampah lebih baik kita beri kepada kios seperti ini, seolah-olah dapat semula nilai minyak yang digunakan selain tidak mencemarkan alam," katanya.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga PPR Beringin Che Roziani Mohd Shariff berkata, inisiatif itu bukan sahaja memudahkan penduduk menyerahkan barangan kitar semula, malah menyumbang kepada persekitaran perumahan lebih bersih dan kemas, selain membantu penjanaan pendapatan sampingan.

"Selalunya penduduk suka kumpul barangan kitar semula di koridor dan bawah tangga sementara nak dijual kepada vendor. Selain tidak bersih ia menghalang laluan, tapi sekarang lebih cepat dan mudah hantar ke sini (kios)," katanya.

Barangan kitar semula seperti tin, kertas dan plastik dijual semula kepada vendor kitar semula manakala minyak masak terpakai antara lain dijadikan bahan kajian untuk pembangunan penukaran menjadi biodiesel.